

Peruntukan sama rata YB kerajaan, pembangkang perlu dirunding

Kuala Lumpur: Datuk Seri Anwar Ibrahim mengulangi kesediaan untuk memberi jumlah peruntukan yang sama kepada ahli Parlimen pembangkang, seperti diterima wakil rakyat kerajaan.

Bagaimanapun, Perdana Menteri berkata, ia perlu dimulakan dengan proses rundingan memabitkan kedua-dua pihak.

Beliau yang juga Menteri Kewangan berkata, ahli Parlimen pembangkang perlu bersedia untuk berdepan sebarang kebarangkalian, jika enggan berbuat

demikian (berunding).

“Saya sudah sebut di sini (Dewan Rakyat) kelulusan telah diputuskan... Timbalan Perdana Menteri akan mengetuai pasukan (rundingan) dan minta supaya pembangkang mengadakan rundingan berkaitan parameter yang perlu diluluskan.

“(Justeru) apa masalah dia, kalau mereka (pembangkang) tidak bersedia (untuk berunding) mereka kena tanggung. Saya sudah beritahu kepada Kubang Kerian (Datuk Seri Tuan Ibrahim

Tuan Man) pun begitu.

“Sudah ada kelulusan dan (sekarang) biar ada rundingan kerana ini juga perkara yang dilakukan dulu oleh Kota Bharu (Datuk Seri Takiyuddin Hassan). Sebelum itu (ketika era kerajaan Perikatan Nasional) tiada perbincangan,” katanya di Dewan Rakyat semalam.

Beliau berkata demikian menngulas soalan Datuk Seri Shahidan Kassim (PN-Arau) yang membangkitkan mengenai peruntukan kepada pembangkang.

Media sebelum ini memetik Anwar sebagai berkata, beliau tidak menolak untuk memberi peruntukan kepada ahli Parlimen pembangkang, namun ia perlu dimulakan dengan proses rundingan.

Tindakan itu selari dengan amalan dipraktikkan kerajaan yang diterajui bekas Perdana Menteri, Datuk Seri Ismail Sabri Yaakob.

Anwar berkata, kerajaan tidak menetapkan sebarang syarat ketat bagi kelulusan permohonan jumlah peruntukan yang

sama, antara ahli Parlimen pembangkang mahu pun kerajaan.

“Cuma biar ada parameter untuk dibincang oleh kerajaan dan pembangkang. Kita sudah lantik Timbalan Perdana Menteri untuk mengetuai (rundingan).

“Apa-apa yang diputuskan, saya secara prinsipnya bersetuju. Mahu wang (peruntukan) runding, bincang dan luluskan, kalau tak nak tak mengapalah, tunggu dulu,” kata Ahli Parlimen Tambun itu.